

Tumpukan semula perjuangan UMNO

KOTA BELUD 9 Ogos - Pergerakan Pemuda UMNO meminta supaya semua pihak supaya tidak lagi membangkitkan isu-isu yang telah dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kelmarin.

Naib Ketuanya, Khairy Jamaluddin

(gambar) berkata, Pemuda UMNO juga tidak mahu lagi memikirkan dan membincangkan isu-isu tersebut kerana ia sudah selesai, sebaliknya akan bergerak meneruskan agenda perjuangan bangsa.

Menurut beliau, adalah penting bagi Pemuda dan semua yang lain kembali menumpukan perhatian kepada agenda perjuangan yang lebih penting selepas segala spekulasi dan tohmahan terjawab.

Malah, katanya, hasil lawatannya ke beberapa tempat semasa merasmikan mesyuarat perwakilan Pemuda mendapati rakyat lebih suka kerajaan menumpukan perhatian kepada pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Mereka (rakyat) tidak suka mendengar jawapan daripada soalan yang diulang beberapa kali. Saya harap penjelasan Perdana Menteri itu membolehkan kita menumpukan perhatian kepada agenda parti, bangsa dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian Kota Belud dan Kota Marudu secara serentak di Dewan Masyarakat di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pemuda UMNO Sabah, Japlin Akim.

Khairy berkata, selepas ini jika masih berbangkit sesuatu isu, ia harus diterima oleh semua pihak sebagai satu perselisihan pendapat.

"Secara kesimpulan, pihak-pihak tersebut (yang masih membangkitkan isu-isu) harus bersetuju untuk tidak bersetuju.

"Kalau tidak, kita akan menjadi seperti 'anjing menyalak bukit' dan ia tidak selesai-selesai," katanya.

Mengenai penjelasan Abdullah terhadap isu-isu yang menyentuh dirinya dalam wawancara khas *Bersemuka Bersama Perdana Menteri* yang disiarkan oleh TV3, Khairy berpendapat, ia tepat pada masanya;

"Ini kerana apabila tidak dijawab (isu-isu), ada pihak yang menganggapnya betul... jadi kita tidak akan benarkan tuduhan tersebut.

"Saya sendiri secara peribadi telah turun untuk beri penjelasan dalam lawatan ke negeri-negeri," katanya.

Menurut beliau, pihaknya percaya rakyat kini telah boleh menerima penjelasan isu-isu yang dibangkitkan itu dan berpuas hati.

Mengenai sokongan para perwakilan Pemuda terhadap dirinya, beliau mengucapkan terima kasih kepada mereka di atas kepercayaan tersebut.

Beliau menjelaskan bahawa dirinya tidak pernah berputus asa atau merajuk sehingga membuat keputusan untuk meletakkan jawatan jika dianggap sebagai beban kepada parti berikutan isu-isu yang timbul itu.

"Cuma, saya menyatakan pendirian dan prinsip sahaja bahawa jika tidak ada lagi sokongan, pemimpin perlu letak jawatan," ujar beliau.

